

POLISI PAKAIAN SERAGAM **UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 TAFSIRAN/DEFINISI

- 1.1 'Ketua Jabatan' bermaksud Dekan/Pengarah/Ketua di Pusat Tanggungjawab.
- 1.2 'Pusat Tanggungjawab' (PTJ) bermaksud Jabatan/Fakulti yang ada di Universiti Malaysia Pahang.
- 1.3 'Pakaian Seragam' bermaksud pakaian dan kelengkapan lain yang dibekalkan kepada kumpulan staf tertentu berdasarkan kepada keperluan jawatan kumpulan-kumpulan berkenaan yang mana rekabentuk dan warna ditetapkan oleh universiti.
- 1.4 'Pakaian Seragam Khas' bermaksud pakaian dan kelengkapan lain yang dibekalkan kepada kumpulan staf tertentu berdasarkan skop tugas hakiki yang mana rekabentuk dan warna ditetapkan oleh universiti.
- 1.5 'Pakaian Istiadat' bermaksud pakaian upacara rasmi yang direkabentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan.

2.0 PENDAHULUAN

- 2.1 Pakaian seragam hendaklah dibekalkan kepada staf setiap tahun mengikut prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan.
- 2.2 Pakaian seragam bertujuan untuk:
 - i) sebagai pengenalan diri dan memudahkan staf yang berkenaan untuk berurusan dengan pelanggan.
 - ii) sebagai lambang kuasa yang diperuntukkan kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan. Pakaian seragam dibekalkan bagi tujuan pengenalan diri pegawai kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas mereka dan dikehendaki memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas.
 - iii) perlindungan dan keselamatan diri kakitangan daripada percikan bahan-bahan kimia dan kekotoran semasa bertugas. Kakitangan terlibat dengan bidang tugas ini adalah seperti pekerja makmal, pekerja bengkel, pekerja am di luar pejabat dan wad rawatan pesakit; dan
 - iv) bagi tujuan kebersihan dan rupa melibatkan kakitangan seperti Pemandu dan Pembantu Operasi.

3.0 KELAYAKAN KEMUDAHAN PAKAIAN SERAGAM STAF

- 3.1 Status staf yang layak mendapat kemudahan pakaian seragam adalah dari kategori yang berjawatan tetap dan kontrak sahaja.
- 3.2 Kategori jawatan yang layak mendapat kemudahan pakaian seragam adalah seperti berikut:

BIL.	GRES	JAWATAN
1.	U29-A,U32-A,U36-A,U38-A,U41/42-A,U44-A,U48-A,U52-A,U54-A	Penolong Pegawai Perubatan
2.	U29-B,U32-B,U36-B,U38-B,U41/42-B,U44-B,U48-B,U52-B,U54-B	Jururawat
3.	U29-C,U32-C,U36-C,U38-C,U40-C	Penolong Pegawai Farmasi
4.	U29-E,U32-E,U36-E,U38-E,U40-E	Juruteknologi Makmal Perubatan
5.	U11-D,U14-D,U16-D	Pembantu Perawatan Kesihatan
6.	FT17-A,FT22-A,FT26-A	Juruteknik Komputer
7.	J17-E,J21/22-E,J26-E	Penjaga Jentera Elektrik
8.	C17-A,C22-A,C26-A	Pembantu Makmal
9.	J17-B,J21/22-B	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional
10.	N17-D,N22-D,N26-D	Penyelia Asrama
11.	KP17-A,KP22-A,KP26-A	Pembantu Keselamatan
12.	KP11-A,KP14-A	Pengawal Keselamatan
13.	H11-B,H14-B	Pemandu Kenderaan
14.	N11-A,N14-A	Pembantu Operasi
15.	H11-C,H14-C	Pembantu Awam
16.	H17-A,H22-A,H26-A	Pembantu Kemahiran

Nota : Sumber daripada JPA dan Pekeliling-pekeliling yang berkaitan dan senarai gred adalah mengikut yang terendah hingga tertinggi bagi setiap jawatan

- 3.3 Senarai jawatan mengikut jenis kelayakan, kuantiti dan implikasi kewangan bagi kemudahan pembekalan pakaian seragam adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.4 Kemudahan 'pakaian seragam khas' pula diperuntukkan kepada jawatan seperti berikut:

BIL.	GRED	JAWATAN
1.	KP41-A,KP44-A,KP48-A, KP52-A,KP54-A	Pegawai Keselamatan
2.	KP27-A,KP32-A,KP38-A	Penolong Pegawai Keselamatan
3.	S41-C,S44-C,S48-C,S52- C,S54-C	Pegawai Hal Ehwal Islam
4.	S27-C,S32-C,S38-C	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
5.	S17-C,S22-C,S26-C	Pembantu Hal Ehwal Islam
6.	JA29-A,JA36-A,JA38-A	Penolong Jurutera
7.	J41/42-B,J43/44-B,J47/48- B,J51/52-B,J54-B	Pegawai Latihan Vokasional
8.	J29/30-B,J35/36-B,J37/38-B	Penolong Pegawai Latihan Vokasional
9.	B17/18-D, B21/22-D, B25/26-D, B27/28-D, B31/32-D, B37/38-D	Jurufotografi
10.	N17-C,N22-C,N26-C	Pegawai Perkhidmatan Pelanggan
11.	J41-A,J44-A,J48-A,J52- A,J54-A	Jurutera
12.	C41-A,C44-A,C48-A,C52- A,C54-A	Pegawai Sains
13.	C27-A,C32-A,C38-A	Penolong Pegawai Sains
14.	Q41-A,Q43/44-A,Q47/48- A,Q51/52-A,Q53/54-A	Pegawai Penyelidik
15.	Q27-A,Q32-A,Q36-A	Penolong Pegawai Penyelidik

Nota : Sumber daripada JPA dan Pekeliling-pekeliling yang berkaitan dan senarai gred adalah mengikut yang terendah hingga tertinggi bagi setiap jawatan

- 3.5 Senarai jawatan, jenis kelayakan, kuantiti dan juga implikasi kewangan bagi kemudahan pembekalan pakaian seragam khas adalah seperti di **Lampiran 2** termasuk penambahbaikan yang dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1 Tahun 2011 bertarikh 16 Jun 2011.
- 3.6 Bagi 'pakaian istiadat' hanya diperuntukkan kepada Pengawal Keselamatan yang bertugas semasa majlis rasmi Universiti dan juga Majlis Konvokesyen UMP mengikut kuantiti dan implikasi kewangan seperti di **Lampiran 3**.

4.0 TATACARA TEMPAHAN PAKAIAN SERAGAM

4.1 Bekalan Pakaian Seragam

4.1.1 PTJ boleh memilih membekalkan pakaian seragam mengikut kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

- i) PTJ menguruskan pembekalan pakaian seragam yang siap dijahit; atau
- ii) PTJ menguruskan pembekalan kain dan perolehan perkhidmatan jahitan secara berasingan; atau
- iii) PTJ mendapatkan kain dan mengagihkan kepada pegawai supaya pegawai menguruskan sendiri jahitan dan menuntut bayaran balik upah jahit atas kadar maksimum seperti berikut:

BIL.	JENIS PAKAIAN	KADAR MAKSIMA
1	Sehelai Baju Lengan Panjang/ Pendek	RM100.00
2	Sehelai Seluar Panjang	RM130.00
3	Sepasang Baju Kurung Wanita	RM120.00
4	Sehelai Overall	RM150.00
5	Sehelai Overcoat	RM100.00

- iv) Bagi urusan perolehan pakaian seragam di perenggan (i) dan (ii), tiada kadar yang khusus ditetapkan bagi perolehan pakaian siap dijahit, perolehan kain dan upah jahit. PTJ boleh menguruskan pembekalan pakaian seragam tersebut mengikut prosedur perolehan yang berkuatkuasa tanpa perlu memohon semula kelulusan Perbendaharaan, tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.
- v) Tempahan pakaian seragam dilakukan oleh PTJ masing-masing dengan mana-mana pembekal/kedai jahit yang berdaftar dengan UMP.

4.2 Kemudahan Bekalan Kasut

4.2.1 PTJ boleh membekalkan kasut kepada pegawai mengikut pilihan seperti berikut:

- i) PTJ menguruskan pembekalan kasut berdasarkan prosedur perolehan yang berkuatkuasa di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990, Surat Pekeliling

Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995 dan akta/peraturan berkaitan serta pindaannya; atau

- ii) bagi pegawai yang layak dibekalkan dengan kasut/but keselamatan jenis kulit, PTJ boleh membenarkan pegawai membeli kasut dan seterusnya membuat tuntutan bayaran balik tertakluk kepada kadar berikut:

BIL.	JENIS KASUT	KADAR MAKSIMA
1.	Kasut Kulit	RM100.00
2.	Kasut/But Keselamatan Kulit	RM130.00

- iii) Bagi pembekalan jenis kasut selain daripada di perenggan 7(ii) di atas, PTJ hendaklah mengikut tatacara prosedur perolehan yang sedang berkuat kuasa.

- iv) Tempahan kasut pula diuruskan oleh PTJ masing-masing dengan mana-mana syarikat yang sesuai yang menepati syarat-syarat kontrak.

i. Semua perolehan kasut/but keselamatan kulit dan barangan lain yang diperbuat daripada kulit hendaklah diuruskan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing secara sebutharga/tender.

ii. Bagi perolehan yang nilainya kurang daripada RM20,000.00, PTJ dibenarkan membuat pembelian secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang sesuai dan menepati syarat dengan kelulusan Ketua PTJ.

iii. Bagi perolehan yang nilainya melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00, pembelian masih boleh diuruskan oleh PTJ tetapi dengan kelulusan daripada Jawatankuasa Sebutharga Universiti atau Jawatankuasa Sebutharga B Universiti sepertimana yang dinyatakan melalui Surat Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2014.

4.3 Kelengkapan Lain

PTJ boleh menyediakan kelengkapan lain berkaitan dengan pakaian seragam pegawai mengikut prosedur perolehan yang berkuatkuasa dan berdasarkan keperluan fungsi di setiap PTJ.

- 4.4 Tempahan pakaian seragam adalah dibawah tanggungjawab PTJ masing-masing. Setiap tempahan hendaklah menepati syarat-syarat dan panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftar.

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Pakaian seragam adalah dibekalkan secara langsung kepada pegawai berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2011, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bilangan 21 Tahun 1999 dan pekeliling/peraturan yang berkuatkuasa sekarang.
- 5.2 Bekalan pakaian seragam perlu dibuat sebelum akhir bulan April setiap tahun.
- 5.3 Rekabentuk dan warna pakaian seragam perlu dikekalkan. Sebarang pindaan ke atas rekabentuk dan warna akan diperbincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pakaian Seragam UMP sebelum di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti bagi mendapatkan kelulusan.
- 5.4 Ketua Jabatan perlu memastikan supaya staf UMP yang dibekalkan dengan pakaian seragam perlu memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas.
- 5.5 Jika staf yang dibekalkan pakaian seragam tidak memakai pakaian seragam, amaran secara bertulis akan dikeluarkan dan jika didapati ingkar, kemudahan tersebut akan ditarik balik.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2011 mengenai peraturan dan kadar bekalan pakaian seragam yang diterimapakai serta Pindaan/Penambahbaikan Polisi Pakaian Seragam UMP yang diluluskan adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015 dan tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.

SENARAI JAWATAN YANG LAYAK MENERIMA PAKAIAN SERAGAM

BIL.	GRED	SKIM JAWATAN	KELAYAKAN	KEKERAPAN	HAD MAKSIMUM SEUNIT (RM)
1.	U29-A,U32-A,U36-A,U38-A,U41/42-A,U44-A,U48-A,U52-A,U54-A	Penolong Pegawai Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
2.	U29-B,U32-B,U36-B,U38-B,U41/42-B,U44-B,U48-B,U52-B,U54-B	Jururawat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
3.	U29-C,U32-C,U36-C,U38-C,U40-C	Penolong Pegawai Farmasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
4.	U29-E,U32-E,U36-E,U38-E,U40-E	Juruteknologi Makmal Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
5.	U11-D,U14-D,U16-D	Pembantu Perawatan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
6.	FT17-A,FT22-A,FT26-A	Juruteknik Komputer	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
7.	J17-E,J21/22-E,J26-E	Penjaga Jentera Elektrik	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
8.	C17-A,C22-A,C26-A	Pembantu Makmal	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00

BIL.	GRED	SKIM JAWATAN	KELAYAKAN	KEKERAPAN	HAD MAKSIMUM SEUNIT (RM)
9.	J17-B,J21/22-B	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
10.	N17-D,N22-D,N26-D	Penyelia Asrama	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
11.	KP17-A,KP22-A,KP26-A	Pembantu Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit (bertali) 	1 kali setahun	230.00 100.00
12.	KP11-A,KP14-A	Pengawal Keselamatan (Lelaki)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
		Pengawal Keselamatan (Wanita)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00
13.	H11-B,H14-B	Pemandu Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ Busjaket ▪ Jaket (2 pasang sekiranya jaket) ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun 2 tahun sekali 2 tahun sekali	230.00 200.00 100.00
				1 kali setahun	100.00
14.	N11-A,N14-A	Pembantu Operasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 3 pasang pakaian seragam ▪ 2 pasang kasut kulit 	1 kali setahun	230.00 100.00

BIL	GRED	SKIM JAWATAN	KELAYAKAN	KEKERAPAN	HAD MAKSIMUM SEUNIT (RM)
15.	H11-C,H14-C	Pembantu Awam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 pasang pakaian seragam (Lengan Pendek) ▪ 2 helai Kemeja - T ▪ 2 pasang kasut 	1 kali setahun	230.00 40.00 100.00
16.	H17-A,H22-A,H26-A	Pembantu Kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 pasang pakaian seragam (Lengan Pendek) ▪ 2 helai Kemeja - T ▪ 2 pasang kasut 	1 kali setahun	230.00 40.00 100.00

** 2 helai tudung dibekalkan kepada Jururawat, Penolong Pegawai Farmasi dan Atendan Kesihatan wanita dengan kadar harga RM20.00 seunit.

SENARAI JAWATAN BAGI KEMUDAHAN PAKAIAN SERAGAM KHAS

BIL.	GRED	SKIM JAWATAN	KELAYAKAN	KUANTITI	KEKERAPAN	HARGA (RM)
1.	KP41-A,KP44-A,KP48-A, KP52-A,KP54-A	Pegawai Keselamatan	Blazer	1	2 tahun sekali	300.00
2.	KP27-A,KP32-A,KP38-A	Penolong Pegawai Keselamatan	Blazer	1	2 tahun sekali	300.00
3.	S41-C,S44-C,S48-C,S52-C,S54-C	Pegawai Hal Ehwal Islam	Jubah	1	2 tahun sekali	150.00
4.	S27-C,S32-C,S38-C	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	Jubah	1	2 tahun sekali	150.00
5.	S17-C,S22-C,S26-C	Pembantu Hal Ehwal Islam	Jubah	1	2 tahun sekali	150.00
6.	JA29-A,JA36-A,JA38-A	Penolong Jurutera	Kasut/But Keselamatan	1	Setahun sekali	130.00
7.	J41/42-B,J43/44-B,J47/48-B,J51/52-B,J54-B	Pegawai Latihan Vokasional	Kasut/But Keselamatan	1	Setahun sekali	130.00
8.	J29/30-B,J35/36-B,J37/38-B	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	Kasut/But Keselamatan	1	Setahun sekali	130.00
9.	B17/18-D, B21/22-D, B25/26-D, B27/28-D, B31/32-D, B37/38-D	Jurufotografi	Ves	1	Setahun sekali	150.00
10.	N17-C,N22-C,N26-C	Pegawai Perkhidmatan Pelanggan	Blazer	1	2 tahun sekali	300.00

SENARAI JAWATAN TAMBAHAN BAGI KEMUDAHAN PAKAIAN SERAGAM KHAS YANG TELAH DIPERSETUJUI DALAM MESYUARAT MBJ BIL.1/2011

BIL.	GRED	SKIM JAWATAN	KELAYAKAN	KUANTITI	KEKERAPAN	HARGA (RM)
1.	JA29-A,JA36-A,JA38-A	Penolong Jurutera	Jaket Keselamatan	1	2 tahun sekali	150.00
2.	J29/30-B,J35/36-B,J37/38-B	Penolong Pegawai Latihan Vokasional		1	2 tahun sekali	150.00
3.	J41-A,J44-A,J48-A,J52-A,J54-A	Jurutera		1	2 tahun sekali	150.00
4.	J41/42-B,J43/44-B,J47/48-B,J51/52-B,J54-B	Pegawai Latihan Vokasional		1	2 tahun sekali	150.00
5.	C41-A,C44-A,C48-A,C52-A,C54-A	Pegawai Sains	Kot Makmal (Lab Coat)	1	2 tahun sekali	150.00
6.	C27-A,C32-A,C38-A	Penolong Pegawai Sains		1	2 tahun sekali	150.00
7.	Q41-A,Q43/44-A,Q47/48-A,Q51/52-A,Q53/54-A	Pegawai Penyelidik		1	2 tahun sekali	150.00
8.	Q27-A,Q32-A,Q36-A	Penolong Pegawai Penyelidik		1	2 tahun sekali	150.00

Kemudahan Kelengkapan Keselamatan Dibekalkan Kepada Pegawai Yang Terlibat Berdasarkan Keperluan Sesuatu Projek (Project Base):

1. Kasut/But Keselamatan – untuk tempoh dua (2) tahun
2. Topi Keselamatan – alat gunasama PTJ untuk lawatan ke tapak projek

**BAJU ISTIADAT BAGI STAF BAHAGIAN KESELAMATAN YANG BERTUGAS
DI MAJLIS RASMI UNIVERSITI /MAJLIS KONVOKESYEN**

BIL.	GRED	SKIM JAWATAN	KELAYAKAN	KEKERAPAN	HAD MAKSIMUM SEUNIT (RM)
1.	KP 11	Pengawal Keselamatan (Pegawai yang diberi tanggungjawab)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 pasang pakaian ▪ 1 unit songkok ▪ 1 unit <i>Bollow Hat</i> (untuk wanita) ▪ 1 pasang tudung (untuk wanita) ▪ 1 unit logo songkok ▪ 7 unit butang besar ▪ 10 unit butang kecil ▪ 1 pasang kasut kulit (tidak bertali) ▪ Epolet (Garis Emas) 	<p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p> <p>3 tahun sekali</p>	500.00